KOLOKIUM SISWAZAH KITA

SEM. 1 2026/2027

ABSTRAK CALON
SARJANA & DOKTOR FALSAFAH
(PENGAJIAN ETNIK)



18 NOVEMBER 2026

(RABU)

9.00 PAGI - 5.00 PETANG

BILIK MESYUARAT KITA, ARAS 4,

KOLEJ KERIS MAS, UKM

&

APLIKASI ZOOM

HTTPS://UKM-EDU-MY.ZOOM.US/J/98907237098?PWD=Y68DKL54GRFNV7PWT219BZDQ742DF8.1

IMAN ILMU AMAL

Nama:	**Fadhlil Wafi**
No. Matrik:	**P161284**
Program:	**Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)**
Penyelia Utama:	**Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Ishak**
Penyelia Bersama:	**Dr. Nurul Akqmie Badrul Hisham**
	Dr. Khazri Osman
Tahap Pembentangan:	**Usulan Penyelidikan**
Tajuk:	**Diaspora-Mediated Agenda-Setting and China's Soft Power in Indonesia: A Critical Discourse Analysis of Ethnic Chinese Networks**

China's growing global influence has increasingly relied on soft power, public diplomacy, strategic narratives, media, economic cooperation, and engagement with diaspora communities. In Indonesia, Chinese Indonesian networks occupy a complex position as transnational actors that may facilitate communication between China and Indonesia while simultaneously negotiating local identities, historical prejudice, minority status, and national belonging. However, existing research has largely examined China's soft power through cultural diplomacy, the Belt and Road Initiative (BRI), investment, Confucius Institutes, and business networks, while studies of Chinese Indonesians have focused mainly on identity, assimilation, hybridity, and political participation. Limited attention has been given to how China's agendas and narratives are mediated through Chinese ethnic diaspora networks within interconnected communication spaces. This study therefore examines how Chinese ethnic diaspora networks mediate China's agenda-setting and soft power narratives in Indonesia. It proposes the working concept of "diaspora-mediated agenda-setting" to examine how agendas originating from China are selected, circulated, translated, localised, negotiated, and contested through diaspora organisations, media, and institutional networks. The study addresses four dimensions: how the Chinese state frames diaspora networks as public diplomacy actors; how China's agendas circulate through institutions, media, and cultural channels; how hybrid identities and historical prejudices shape diaspora- mediated discourse; and how representations of China as a strategic partner or emerging great power are negotiated within Indonesia. Methodologically, the study adopts a qualitative case study design using document analysis and Critical Discourse Analysis (CDA). It examines publicly available documents produced between 2013 and 2025, including Chinese official sources, the Chinese Embassy in Indonesia, Chinese media, Chinese Indonesian diaspora organisations such as PSMTI and INTI, and Indonesian media. The study contributes theoretically by extending agenda-setting theory into transnational diaspora contexts, empirically by integrating China studies, diaspora politics, and Chinese Indonesian studies, and methodologically by tracing how narratives are constructed, circulated, adapted, and contested across interconnected communicative spaces.

Nama: Mohd Shairawi Mohd Noor
No. Matrik: P175851
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Ishak
Penyelia Bersama: Dr. Wan Haslan Khairuddin
Tahap Pembentangan: Usulan Penyelidikan
Tajuk: Antara Toleransi dan Batas Akidah: Analisis Wacana Bayan Linnas dan Irsyad Hukum Mufti Wilayah Persekutuan dalam Konteks Perpaduan di Malaysia

Hubungan antara penganut agama dalam masyarakat kepelbagaian di Malaysia menuntut penjelasan tentang ruang hidup bersama yang menghormati perbezaan tanpa mengabaikan pemeliharaan akidah Islam. Dalam konteks ini, penerangan agama oleh institusi mufti bukan sekadar menyatakan hukum, malah melibatkan pembinaan makna, penyusunan hujah dan cadangan tindakan yang berkaitan dengan hubungan antara kelompok. Walaupun kajian terdahulu membincangkan toleransi, batas kepercayaan dan autoriti fatwa, hubungan antara pembinaan makna toleransi, penghujahan batas akidah dan strategi pengurusan sensitiviti agama dalam penerangan awam Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) masih memerlukan penelitian bersepadu. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis pembinaan makna toleransi dan hidup bersama (ta'ayush), mengenal pasti bentuk serta alasan pembinaan batas akidah, dan meneliti strategi wacana dalam mengurus sensitiviti agama. Dapatan daripada ketiga-tiga objektif ini kemudiannya akan disintesiskan bagi membina dan memperhalus kerangka konseptual hidup bersama dengan pemeliharaan akidah dalam konteks perpaduan di Malaysia. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif interpretif yang menggabungkan dua pendekatan saling melengkapi. Analisis dokumen kualitatif digunakan untuk membina, menapis, mengurus dan mengaudit korpus, manakala analisis wacana digunakan untuk mentafsir struktur makna, segmen hujah serta strategi penghujahan dalam teks. Artikel Bayan Linnas dipilih sebagai korpus utama, sementara Irsyad Hukum digunakan sebagai korpus pelengkap melalui pensampelan bertujuan berasaskan kriteria. Pemetaan awal mengenal pasti 45 artikel Bayan Linnas sebagai korpus kerja analisis mendalam dan 18 artikel Irsyad Hukum sebagai calon korpus pelengkap, tertakluk kepada pengesahan lanjut. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada bidang Kajian Etnik dengan menjelaskan bagaimana institusi agama menghuraikan pemeliharaan kepercayaan serta panduan hubungan antara kelompok dalam masyarakat kepelbagaian. Sumbangan kajian berfokus pada pemahaman terhadap orientasi hubungan sosial yang terkandung dalam teks, tanpa mendakwa telah mengukur kesan sebenar terhadap perpaduan masyarakat.

Nama: Rudie Yaakub
No. Matrik: P175984
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Sobhi Ishak
Penyelia Bersama: Dr. Pue Giok Hun
Tahap Pembentangan: Usulan Penyelidikan
Tajuk: Transformasi Ekosistem Perkhidmatan Perusahaan Sosial Komuniti di Kelantan: Keterangkuman Sosial, Impak dan Kemampanan Organisasi

Perusahaan sosial komuniti di Malaysia berhadapan cabaran mengimbangi misi sosial dengan keperluan kemampanan organisasi ketika memperluas perkhidmatan. Khususnya dari segi tentang mekanisme transformasi, keterangkuman sosial serta hubungan impak jangka panjang dengan kemampanan yang masih memerlukan penelitian kontekstual. Kajian ini bertujuan menganalisis proses transformasi BTOP di Kelantan sepanjang 2014–2026, meneliti mekanisme integrasi perkhidmatan, aktor dan sumber serta hubungannya dengan keterangkuman sosial, dan menjelaskan pengurusan hubungan antara impak sosial dengan kemampanan organisasi. Berpandukan perspektif organisasi hibrid dan Service-Dominant Logic, kajian menggunakan pendekatan kualitatif interpretif melalui reka bentuk kajian kes tunggal longitudinal terbenam dengan komponen autoetnografi berorientasikan analitik. Data primer daripada informan: (1) pihak berkepentinganorganisasi, (2) penyelidik selaku pemilikorganisasi. Data sekunder: dokumen rasmi organisasi. Data akan dikumpulkan melalui analisis dokumen organisasi, temu bual separa berstruktur melibatkan sekitar 20–25 informan dewasa, serta naratif reflektif penyelidik sebagai pemilik organisasi. Analisis tematik reflektif dan analisis proses longitudinal digunakan untuk mengenal pasti perubahan konfigurasi perkhidmatan, mekanisme integrasi sumber, pengalaman keterangkuman dan ketegangan antara misi sosial dengan kelangsungan organisasi. Triangulasi sumber, refleksiviti dan perlindungan etika dilaksanakan bagi memperkukuh kesahan & kebolehpercayaan data & dapatan kajian. Kajian dijangka menghasilkan kerangka proses transformasi perusahaan sosial komuniti berasaskan bukti empirikal, sekali gus menyumbang kepada pemahaman hubungan antara amalan organisasi, keterangkuman sosial dan kemampanan dalam konteks Kajian Etnik di Malaysia.

Nama:	**Tang Thong Nhan**
No. Matrik:	**P115211**
Program:	**Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)**
Penyelia Utama:	**Dr. Pue Giok Hun**
Penyelia Bersama:	**Dr. Rachel Chan Suet Kay**
	Dr. Eric Olmedo
Tahap Pembentangan:	**Laporan Kemajuan**
Tajuk:	**Cham Traditional Vegetable-Based Foodways as Intangible Cultural Heritage for Sustainable Community-Based Tourism in Khánh Hòa, Vietnam**

This doctoral research investigates the neglected intangible cultural heritage (ICH) of traditional plant-based foodways among the Cham ethnic minority in South-Central Vietnam, addressing vulnerabilities arising from ecological shifts, generational transitions, and macro-level tourism commodification following administrative integration into expanded Khánh Hòa Province. Addressing the colloquium requirement of delivering completed empirical chapters for Research Objectives 1 and 2, this progress report examines the cultural documentation, cosmological systems, matrilineal transmission, and ecological adaptation embedded in Cham culinary practices. Methodologically, the study employs a qualitative Rapid Ethnographic Assessment (REA) conducted across three traditional Cham palei (Mỹ Nghiệp, Phước Nhơn, and Bàu Trúc) utilizing seventeen semi-structured key informant interviews, negotiated participant observation, and policy document analysis. The dataset was analyzed through Reflexive Thematic Analysis (RTA) supported by a Guided AI Thematic Analysis (GAITA) framework, where generative AI functioned strictly as an organizational scaffold while the researcher retained absolute human epistemic authority over cultural interpretation, governed by dynamic Free, Prior, and Informed Consent (FPIC) under JEPUKM ethical compliance. Empirical findings for the first objective document an extensive corpus of wild edible plants and endemic cultivars, illustrating a seasonal foraging hierarchy, traditional cooling therapeutics, and daily plant-forward staples such as canh bồi. Findings resolving the second objective demonstrate that these foodways are critically governed by the complementary religious dualism between Bà Ni and Bà La Môn ritual cosmologies—enforcing sacred taboos against pork and beef respectively across communal rites like Katé and Ramưwan—alongside matrilineal domestic kitchen (thang ging) pedagogies threatened by emergent deskilling among modern youths. The study contributes empirically to Southeast Asian indigenous food studies and theoretically advances community-centered ICH safeguarding frameworks, establishing baseline cultural parameters to ensure future sustainable community-based tourism (SCBT) initiatives protect grassroots cultural integrity against external commercialization.

Nama: Jiang Ainan
No. Matrik: P120256
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Dr. Shazlin Amir Hamzah
Penyelia Bersama: Dr. Adil Johan
Dr. Nurul Akqmie Badrul Hisham

Tahap Pembentangan: Laporan Kemajuan

Tajuk: Cultural Capital and Everyday Practice: Mandopop Taste and the Negotiation of Transnational Identity among Malaysian Chinese Millennials

Malaysian Chinese live in a multiethnic Malaysian society while maintaining connections to the broader Chinese-speaking world. Mandarin pop music (Mandopop), primarily produced in Taiwan and mainland China, is an important part of their daily lives. This study explores how Malaysian Chinese millennials born between 1981 and 1996 form their Mandopop tastes, how they apply these tastes in daily life, and how these tastes shape the negotiation of transnational identity both within and beyond Malaysia. Drawing on Bourdieu's theory of cultural capital and DeNora's research on music in everyday life, the study employs a qualitative research approach. Semi-structured in-depth interviews were conducted with listeners who grew up in different places and attended different types of schools. Industry practitioners and academic experts were also interviewed for contextual insights. Data was analyzed using reflexive thematic analysis. Preliminary findings indicate that taste originates in the family and media environment and gradually solidifies during secondary school. Proficiency in Mandarin influences the extent to which listeners understand lyrics, rather than whether they listen or not. Within multiethnic Malaysia, the boundaries demarcated by this proficiency follow educational lines rather than ethnicity. In the transnational Chinese-language field, participants perceive Malaysia as a peripheral part of the Mandopop industry. Transnational identity is more characterized by a sense of positioning than belonging. This study extends Mandopop audience research to contexts with varying levels of Mandarin proficiency and contributes to understanding transnational identity in multiethnic societies.

Nama: Liang Bing
No. Matrik: P137538
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Dr. Shazlin Amir Hamzah
Penyelia Bersama: Dr. Nur Atiqah Tang Abdullah
Prof. Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid

Tahap Pembentangan: Laporan Kemajuan
Tajuk: Constructing the Digital Spectacle: User Participation and Performance of Cyber-Nationalism on Douyin

Chinese cyber-nationalism has been theorised largely through grievance, boycott and coordinated campaigns against a named opponent, leaving its celebratory and non-adversarial forms comparatively unexamined. Taking the launch of the Huawei Mate 60 Pro in August 2023 as a case study, this thesis examines how cyber-nationalist discourse was constructed on Douyin, China's leading short-video platform, after the device appeared with a domestically fabricated processor despite United States export controls. The study identifies the actors who produced this discourse, analyses how the narratives were built, and explores how users perceive and negotiate it in relation to their own cultural confidence and national identity. It draws on Kellner's media spectacle theory, Tajfel and Turner's social identity theory, and Goffman's account of performance before an audience. A corpus of 113 videos from 96 distinct accounts was assembled through four in-platform keyword searches and an eight-step filtering sequence, with the verbal transcript, narration plus on-screen text, as the unit of analysis. Twenty semi-structured interviews were conducted with students, working-age adults and older adults, recruited purposively through snowball sampling. Both datasets were analysed thematically using Braun and Clarke's six-phase framework. Findings indicate that the spectacle was neither state-launched nor brand-driven: it was triggered from below by self-media and certified from above by institutional media, while Huawei itself remained structurally absent. Institutional media authorised the categorisation without arguing for it, vertical technology media supplied the terms of comparison they could not circulate, generalist self-media converted technical fact into belonging, and commercial accounts participated at the margins without a distinct role. The discourse was built on shared experience rather than shared attribute: claims were proved with evidence borrowed from the adversary, belonging was grounded in a hardship endured together rather than in a claim of strength, and repeating the slogan was how ordinary users joined in. This thesis contributes a case of uniformity without concentrated production, extends participatory spectacle to an unorganised and evidentiary form, and shows that identification can rest on shared experience rather than shared category, with the out-group serving as guarantor rather than only as object. It underscores the significance of short-video platforms in shaping how national identity is performed, witnessed and sustained in everyday digital life.

Nama: Ahmad Syauqi Asyraf Arshad
No. Matrik: P159504
Program: Sarjana Pengajian Etnik
Penyelia Utama: Dr. Nur Atiqah Tang Abdullah
Tahap Pembentangan: Usulan Penyelidikan
Tajuk: Perbezaan Dimensi Kebudayaan, Prestasi Kerja Dan Penguasaan Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Tenaga Kerja Asing Mengikut Kewarganegaraan: Satu Analisis Berdasarkan Teori Dimensi Kebudayaan Geert Hofstede

Pengambilan tenaga kerja asing dalam sektor pembuatan di Malaysia merupakan norma dalam memenuhi keperluan operasi pengeluaran, khususnya bagi jawatan pengendali mesin. Kepelbagaian kewarganegaraan dalam kalangan pekerja turut membawa perbezaan latar belakang kebudayaan dan penguasaan bahasa yang wajar diteliti dalam konteks pekerjaan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dimensi kebudayaan, menilai perbezaan prestasi kerja serta menganalisis tahap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan tenaga kerja asing mengikut kewarganegaraan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pengendali mesin pengeluaran sarung tangan getah di Hartalega NGC Sdn. Bhd., Sepang, Selangor, yang terdiri daripada pekerja warga Bangladesh, Indonesia, Myanmar dan Nepal. Teori Dimensi Kebudayaan Geert Hofstede digunakan sebagai asas teori untuk meneliti enam dimensi kebudayaan, iaitu jarak kuasa, penghindaran ketidakpastian, individualisme berbanding kolektivisme, maskuliniti berbanding feminiti, orientasi jangka panjang berbanding jangka pendek serta kelonggaran berbanding disiplin sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif (keratan rentas) melalui soal selidik terhadap dua golongan penting dalam proses pembuatan. Data yang dikumpulkan dianalisis bagi meneliti perbezaan antara kumpulan kewarganegaraan berdasarkan dimensi kebudayaan, prestasi kerja dan penguasaan Bahasa Melayu. Dapatan kajian diharapkan dapat memperluas pemahaman tentang kepelbagaian kebudayaan dalam persekitaran kerja industri serta membantu pihak pengurusan memahami keperluan tenaga kerja yang berbeza latar belakang. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi rujukan dalam merancang pengurusan tenaga kerja asing yang lebih berkesan, termasuk dari segi komunikasi, penyeliaan dan penilaian prestasi kerja.

Nama: Chin Tek Yoong
No. Matrik: P167210
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Dr. Nur Atiqah Tang Abdullah
Penyelia Bersama: Prof. Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid
Tahap Pembentangan: Usulan Penyelidikan

Tajuk: **Lim Lian Geok Dan Perjuangan Pendidikan Bahasa Ibunda Cina: Perwatakan, Strategi, Dan Kedinamikan Perjuangan**

Kajian ini adalah berkenaan dengan usaha Lim Lian Geok memperjuangkan nasib pendidikan bahasa ibunda Cina. Institusi pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), kini masyarakat etnik Cina telah mengiktiraf Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) sebagai sebahagian daripada komponen institusi pendidikan bahasa ibunda Cina di Malaysia. Sebenarnya, sistem pendidikan bahasa ibunda Cina yang lengkap ini mencerminkan hasil perjuangan golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina yang merentas zaman. Hak pendidikan bahasa ibunda Cina yang dimiliki anak murid Cina tidak akan wujud sendiri tanpa usaha dan ikhtiar daripada golongan aktivis pendidikan bahasa ibunda Cina. Lim Lian Geok (1901-1985), antara pejuang pendidikan bahasa ibunda Cina yang disegani, telah menampilkan ketokohan dan kewibawaan dalam sepanjang tempoh perjuangannya, sehinggakan beliau dinobatkan sebagai 族魂 (zu hun), iaitu 'Jiwa Budaya Cina Malaysia' oleh masyarakat etnik Cina. Ciri-ciri ketokohan, kewibawaan dan perwatakan yang dimanifestasikan oleh Lim Lian Geok dalam sepanjang tempoh perjuangannya mempertahankan hak sistem pendidikan bahasa ibunda Cina. Kajian ini meneliti bagaimana Lim Lian Geok membina kedudukannya sebagai pejuang pendidikan bahasa ibunda, memperoleh legitimasi dan meraih sokongan padu masyarakat etnik Cina, menggerakkan segala sumber dan memastikan perjuangan berkesinambungan apabila berhadapan dengan konteks perubahan struktur sosial dan politik di Tanah Melayu. Bagi memandu dalam kajian ini, kerangka konseptual dibina dengan integrasi perspektif dramaturgikal Goffman (1959) dan teori mobilisasi sumber (1977) membolehkan perjuangan Lim Lian Geok difahami bukan sahaja seorang tokoh pejuang pendidikan bahasa ibunda Cina, tetapi juga dianalisis sebagai satu proses sosial yang memperlihatkan hubungan antara keupayaan individu bertindak, pembentukan sokongan sosial, mobilisasi sumber dan pengaruh struktur sosial dan politik terhadap perkembangan perjuangannya. Penelitian sumber dokumen primer dan sekunder, transkripsi temu bual separa berstruktur dan pemerhatian lapangan menyumbangkan data-data yang relevan dalam kajian ini. Analisis dapatan kajian cuba menjelaskan perjuangan Lim Lian Geok menimbulkan reaksi maklum balas yang berbeza dalam kalangan masyarakat etnik Cina, masyarakat etnik bukan Cina, kerajaan penjajah dan kerajaan Perikatan. Perjuangan Lim Lian Geok diteruskan dengan penyelarasan strategi dan persembahan diri untuk penyesuaian persekitaran sosial dan politik yang berubah-ubah. Kajian ini membawa beberapa kepentingan. Pertama, kajian ini dapat mengurang jurang penyelidikan, memperkaya khazanah ilmu melalui wacana tokoh perjuangan pendidikan bahasa ibunda di Tanah Melayu. Kedua, kajian ini mengumpulkan perspektif dan pendirian golongan aktivis yang gigih mempertahankan institusi pendidikan Cina sebagai kubu pertahanan budaya Cina Malaysia.

Nama: He Wenxi
No. Matrik: P167221
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia Utama: Dr Nur Atiqah Tang Abdullah
Penyelia Bersama: Dr. Nurul Akqmie Badrul Hisham
Tahap Pembentangan: Usulan Penyelidikan
Tajuk: A Study on the Course Outline of Modern and Contemporary Chinese History and the Construction of National Identity Among University Students in Chongqing: A Perspective from Social Identity Theory

In the context of globalization and artificial intelligence, the coexistence of diverse historical narratives and the proliferation of online information present challenges to the development of national identity among university students. Drawing on social identity theory and focusing on the course "Outline of Modern and Contemporary Chinese History" at universities in Chongqing, this study explores the relationship between classroom factors and national identity, as well as the mediating role of social identity. Classroom factors are categorized into teaching content, pedagogical methods, classroom interaction, and historical narratives. Social identity is operationalized through group belonging, group identification, and a sense of group responsibility, while national identity is measured via national cognition, national sentiment, and national behavioral tendencies. A research framework incorporating both direct and mediating pathways is constructed. Adopting a mixed-methods approach, the study will survey first-year undergraduates enrolled in the course. Statistical relationships between variables will be examined through reliability and validity testing, structural equation modeling (SEM), and bootstrapping for mediation analysis. Additionally, classroom observations and semi-structured interviews with instructors and students will be conducted to gain insights into instructional organization, classroom interaction, historical narratives, learning experiences, group belonging, and the perception of national identity. By integrating quantitative and qualitative data, the study aims to provide a contextualized interpretation of the statistical findings, thereby elucidating how participation in history classrooms contributes to the construction of national identity. The research seeks to evaluate the applicability of social identity theory within the context of history-based ideological and political education in higher education, analyze the direct and indirect links between classroom factors and national identity, and offer practical implications for curriculum optimization and national identity education in Chongqing's universities, while also providing a theoretical and methodological framework for future research.

Nama:	**Aida Zahirah Samsudin**
No. Matrik:	**P145252**
Program:	**Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)**
Penyelia Utama:	**Prof. Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid**
Penyelia Bersama:	**Dr. Shazlin Amir Hamzah**
	Dr. Atika Shafinaz Nazri
Tahap Pembentangan:	**Laporan Kemajuan**
Tajuk:	**Bangsa Tanpa Negara: Identiti Komuniti Rohingya Di Malaysia**

Perkahwinan merupakan salah satu mekanisme sosialisasi yang mempengaruhi pewarisan budaya dan pembentukan identiti etnik dalam komuniti Rohingya di Malaysia. Malah, fenomena perkahwinan campur bukan sesuatu yang baru dan ia adalah sebahagian daripada sejarah pembentukan etnik Rohingya dan berterusan merentas generasi tanpa mengira di mana mereka berada. Perkahwinan antara pasangan yang mempunyai latar belakang etnik atau kewarganegaraan yang berbeza mewujudkan perbezaan dalam proses sosialisasi dalam kehidupan berkeluarga. Hal ini menimbulkan persoalan tentang cara identiti asal Rohingya dikekalkan, diperkukuh atau disesuaikan dengan persekitaran masyarakat setempat terutamanya segi bahasa, agama, adat resam dan nilai budaya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti proses sosialisasi komuniti Rohingya di Malaysia melalui perkahwinan serta pengekalan identiti asal mereka. Kajian ini turut mengkaji peranan perkahwinan dalam pengukuhan identiti komuniti Rohingya dan menganalisis impaknya terhadap pembentukan identiti dalam konteks integrasi masyarakat di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta sebagai data primer. Informan dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam kehidupan komuniti Rohingya di Malaysia dengan mengambil kira latar belakang perkahwinan yang melibatkan pasangan sesama etnik Rohingya, warga tempatan, migran asing dan pelarian lain. Data temu bual ditranskripsi dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Hipotesis kajian ini menjangkakan bahawa aspek perkahwinan mempengaruhi proses sosialisasi dan pewarisan budaya dalam keluarga Rohingya terutamanya dalam usaha mereka untuk mengekalkan identiti asal. Perkahwinan juga mempengaruhi cara identiti etnik ditafsir dan dibentuk dalam kalangan generasi yang dilahirkan serta penyesuaian mereka dalam masyarakat di Malaysia. Justeru, kestabilan dalam merunding identiti dalam perkahwinan dilihat mampu mengurangkan krisis identiti dan membuka ruang kepada integrasi sosial yang lebih harmoni. Kajian ini diharapkan memberi sumbangan signifikan dalam bidang ilmu khususnya bidang migrasi dengan menawarkan perspektif baru dalam memahami peranan perkahwinan dalam pembentukan identiti etnik bangsa tanpa negara khususnya dalam konteks sosialisasi dan integrasi komuniti pelarian di Malaysia.

Nama: **Iylia Balqis Suhaimi**
No. Matrik: **P153633**
Program: **Sarjana Pengajian Etnik**
Penyelia Utama: **Dr. Atika Shafinaz Nazri**
Tahap Pembentangan: **Laporan Kemajuan**
Tajuk: **Empowering Syrian Refugee Education in Malaysia: Best Practices from Jordan**

Perkahwinan merupakan salah satu mekanisme sosialisasi yang mempengaruhi pewarisan budaya dan pembentukan identiti etnik dalam komuniti Rohingya di Malaysia. Malah, fenomena perkahwinan campur bukan sesuatu yang baru dan ia adalah sebahagian daripada sejarah pembentukan etnik Rohingya dan berterusan merentas generasi tanpa mengira di mana mereka berada. Perkahwinan antara pasangan yang mempunyai latar belakang etnik atau kewarganegaraan yang berbeza mewujudkan perbezaan dalam proses sosialisasi dalam kehidupan berkeluarga. Hal ini menimbulkan persoalan tentang cara identiti asal Rohingya dikekalkan, diperkukuh atau disesuaikan dengan persekitaran masyarakat setempat terutamanya segi bahasa, agama, adat resam dan nilai budaya. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti proses sosialisasi komuniti Rohingya di Malaysia melalui perkahwinan serta pengekalan identiti asal mereka. Kajian ini turut mengkaji peranan perkahwinan dalam pengukuhan identiti komuniti Rohingya dan menganalisis impaknya terhadap pembentukan identiti dalam konteks integrasi masyarakat di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian tidak turut serta sebagai data primer. Informan dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam kehidupan komuniti Rohingya di Malaysia dengan mengambil kira latar belakang perkahwinan yang melibatkan pasangan sesama etnik Rohingya, warga tempatan, migran asing dan pelarian lain. Data temu bual ditranskripsi dan dianalisis menggunakan analisis tematik. Hipotesis kajian ini menjangkakan bahawa aspek perkahwinan mempengaruhi proses sosialisasi dan pewarisan budaya dalam keluarga Rohingya terutamanya dalam usaha mereka untuk mengekalkan identiti asal. Perkahwinan juga mempengaruhi cara identiti etnik ditafsir dan dibentuk dalam kalangan generasi yang dilahirkan serta penyesuaian mereka dalam masyarakat di Malaysia. Justeru, kestabilan dalam merunding identiti dalam perkahwinan dilihat mampu mengurangkan krisis identiti dan membuka ruang kepada integrasi sosial yang lebih harmoni. Kajian ini diharapkan memberi sumbangan signifikan dalam bidang ilmu khususnya bidang migrasi dengan menawarkan perspektif baru dalam memahami peranan perkahwinan dalam pembentukan identiti etnik bangsa tanpa negara khususnya dalam konteks sosialisasi dan integrasi komuniti pelarian di Malaysia.

SEMINAR:

Penulisan Tesis dalam Era AI: Memanfaatkan Teknologi, Memperkasa Pemikiran Kritis dan Memelihara Integriti Akademik



Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Mohd Yusof

Perkembangan pesat teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI), khususnya AI generatif, telah membuka dimensi baharu dalam landskap penyelidikan dan penulisan akademik. Keupayaan teknologi ini untuk membantu penjanaan idea, penerokaan literatur, penyusunan hujah, analisis maklumat dan penambahbaikan penulisan menawarkan peluang kepada pelajar pascasiswazah dan penyelidik untuk meningkatkan kecekapan proses penyediaan tesis. Walau bagaimanapun, penggunaan AI turut menimbulkan persoalan kritikal berkaitan keaslian pemikiran, kesahihan maklumat, ketepatan rujukan, kecenderungan algoritma dan integriti akademik. Persoalan yang lebih mendasar ialah sejauh manakah AI boleh dimanfaatkan sebagai alat sokongan intelektual tanpa menghakis autonomi, kreativiti dan tanggungjawab ilmiah seseorang penyelidik. Sehubungan itu, ceramah ini bertujuan membincangkan potensi dan batas penggunaan AI dalam penulisan tesis melalui pendekatan yang menggabungkan dimensi konseptual, kritis dan praktikal.

Perbincangan memberikan tumpuan kepada peranan AI dalam pelbagai peringkat penyelidikan, daripada pembentukan persoalan kajian dan sorotan literatur kepada pengolahan dapatan serta pembinaan hujah akademik. Ceramah ini turut mengetengahkan kepentingan literasi AI, pemikiran kritis, pertimbangan epistemologi dan amalan penggunaan teknologi secara beretika. Melalui contoh aplikasi dan demonstrasi terpilih, peserta akan didedahkan kepada strategi memanfaatkan AI secara berkesan, seterusnya mengekalkan kawalan intelektual terhadap proses penyelidikan. Dalam konteks penyelidikan sains sosial dan kemanusiaan, perhatian khusus turut diberikan kepada kepekaan budaya, konteks sosial dan keterbatasan AI dalam memahami pengalaman serta realiti masyarakat yang kompleks. Secara keseluruhannya, ceramah ini menegaskan bahawa AI sewajarnya berfungsi sebagai alat yang memperkukuh, bukannya menggantikan, keupayaan intelektual penyelidik. Penulisan tesis yang berkualiti dalam era AI bukan sekadar bergantung pada kecekapan memanfaatkan teknologi, tetapi turut menuntut ketajaman pemikiran kritis, ketelitian metodologi, keaslian sumbangan ilmu dan komitmen yang berterusan terhadap integriti akademik.